

MoU dan perjanjian  
bisnes adalah hasil  
pembentangan produk  
dan demonstrasi  
teknologi yang diterajui  
NCIA

# PKS raih potensi bisnes RM30 juta di Expo 2020 Dubai

GEORGE TOWN



Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dari Wilayah ekonomi Koridor Utara (NCER) meraih janji niaga berpotensi dan kontrak bekalan bernilai lebih RM30 juta semasa program selama 8 minggu di Pavilion Malaysia pada Expo 2020 Dubai.

Program bertemakan 'Wilayah ekonomi Koridor Utara (NCER): Destinasi Pelaburan Pilihan Anda di Malaysia', yang berlangsung

dari 22 hingga 26 Nov 2021 itu mempamerkan peluang perdagangan dan pelaburan dalam NCER sebagai destinasi pelaburan pilihan di Malaysia, serta menyediakan platform bagi PKS untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka ke pasaran global.

Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) Datuk Seri Jebasingam Issace John berkata, kejayaan PKS daripada NCER itu merupakan bukti keberkesanan program pemudahan perniagaan dan modal insan berpaksikan rakyat yang disediakan oleh NCIA bagi manfaat rakyat dan komuniti perniagaan sejajar dengan semangat Keluarga Malaysia.

Semasa ekspo tersebut, pengeluaran makanan ringan ber-

pangkalan di Pulau Pinang Haliza Industries Sdn Bhd memeterai dua memorandum persefahaman bernilai RM25 juta dengan pengedar di Oman dan Qatar untuk membekalkan jenama makanan ringannya Bingo Bite dan Witties.

Sementara itu, pengeluar minuman kesihatan dan kopi gred tinggi yang berpangkalan di Kedah Fikrisz (M) Sdn Bhd memeterai kontrak lima tahun bernilai RM5 juta untuk membekalkan minuman tersebut kepada Dream Fitness Trading Company yang berpangkalan di Arab Saudi, manakala Medic Pets (M) Sdn Bhd dari Perak memeterai kontrak bernilai RM1.8 juta dengan Sadiyat Pharmacy bagi pengedaran produk penjagaan kesihatan haiwan dan haiwan peliharaan mereka

ke pasaran Dubai.

Jebasingam berkata, tiga PKS itu merupakan antara banyak syarikat yang dibimbing menerusi pelbagai program pemudahan dan pembangunan di bawah NCIA.

MoU dan perjanjian tersebut adalah hasil daripada sesi padanan perniagaan rentas-negara, pembentangan produk, perbincangan dan demonstrasi teknologi yang diterajui NCIA dan disasarkan untuk membangunkan lagi PKS menjadi pemain global, jelasnya.

Menerusi padanan perniagaan dan libat urus, Jebasingam berkata 10 syarikat PKS NCER daripada sektor pembuatan, bioteknologi, makanan dan minuman dan perkhidmatan dipadankan dengan peniaga dan pengedar antarabangsa dari

seluruh dunia semasa Expo 2020 Dubai.

"NCER bukan sahaja destinasi pelaburan ideal bagi pelabur peringkat tinggi tetapi juga memiliki ekosistem perniagaan lengkap yang menyediakan program pembangunan PKS holistik dan bersepadu yang mentransformasikan PKS berpotensi dan melengkapkan mereka dengan pengetahuan dan strategi untuk menembusi pasaran.

"Wilayah ekonomi itu kini mempunyai kader PKS yang kukuh dan kami membantu memudahkan syarikat yang bersedia untuk mengeksport untuk meneroka pasaran asing selain terus membangunkan usahawan baharu termasuk mereka dari kawasan kurang maju," katanya. - Bernama

## MCT lancar kediaman gaya resort 'Alira'

SHAH ALAM - MCT Berhad (MCT) telah melancarkan Alira, projek kediaman pegangan bebas terbarunya, Alira yang dibangunkan di kawasan seluas 22.4 hektar yang terletak di kawasan perbandaran Metropark, Subang.

Ketua Pegawai Eksekutif MCT, Teh Heng Chong berkata, sejak pembelian projek kediaman itu dibuka pada suku kedua pada tahun ini, jualan projek berkenaan telah mencapai 40 peratus dan majoriti pembeli telah membeli unit rumah bersaiz besar dan vila bertingkat rendah.

"Kami menyasarkan pembeli yang berumur lingkungan 25 ke 50 tahun termasuk pembeli rumah kali pertama, golongan profesional muda, pasangan muda, pelabur serta pembeli dari kawasan sekitar.

"Alira menawarkan kediaman gaya

resort dalam kawasan Central Park seluas 3.68 hektar dan 'water spine' yang diilhamkan oleh Sungai Yarra di Melbourne, Australia," katanya dalam satu kenyataan.

Ini selaras dengan visi baharu syarikat iaitu *Innovative, Timeless Value Creator*. Pandemik Covid-19 telah mengubah gaya hidup dan pembeli kini mencari rumah yang lebih luas dan kemudahan yang seimbang kerja dan kehidupan harian.

Sementara itu, Pengarah Jualan dan Pemasaran MCT, Chee Kok Keong berkata, fasa satu pembangunan Alira melibatkan 492 unit dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM316.2 juta.

Harga bermula RM493,800 untuk unit pangsapuri bertingkat tinggi manakala bermula RM752,800 untuk vila edisi terhad bertingkat rendah.



Pembangunan Alira di kawasan Metropark, Subang dengan nilai GDV RM316.2 juta.

## Kumpulan baharu Malaysian Standards diluluskan MITI

SHAH ALAM - Sebuah kumpulan baharu Malaysian Standards (MS) yang dibangunkan Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia) telah diluluskan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bagi memenuhi keperluan pihak berkepentingan.

Ketua Pengarah Standards Malaysia, Shaharul Sadri Alwi berkata, kelulusan semasa terdiri daripada 1 MS baharu iaitu MS 2705:2021 membabitkan panel berasaskan kayu serta had pelepasan formaldehid.

"MS ini ialah piawaian asli yang menyatakan had pelepasan formaldehid daripada panel berasaskan kayu termasuk papan gentian, papan partikel, papan lapis dan produk panel berasaskan kayu lain yang berkaitan.

"Ia juga akan dirujuk dalam peraturan teknikal yang dicadangkan mengenai had pelepasan formaldehid untuk panel berasaskan kayu di bawah peruntukan Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) (Akta 105)," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Mengulas lanjut, Shaharul Sadri



SHAHARUL SADRI

berkata, kelulusan juga terdiri daripada dua semakan dan lapan pengeluaran MS.

Menurutnya, ia akan menyumbang kepada terkumpul 4892 MS yang dihasilkan oleh Standards Malaysia setakat ini di bawah pelbagai sektor.

"MS telah menjalani perbincangan yang teliti, prosedur ketat serta penglibatan

awam untuk memastikan bahawa mereka memenuhi keperluan pihak berkepentingan, pengawal selia dan pengguna lain dengan tujuan untuk menegakkan keselamatan, kualiti, perlindungan alam sekitar serta kesejahteraan umum.

"Selaras dengan Akta Standard Malaysia (Akta 549), selain daripada menghasilkan MS baharu untuk memenuhi keperluan pasaran, Standards Malaysia sebagai Badan Standard Kebangsaan.

"Ia juga bertanggungjawab ke atas penyelenggaraan MS seperti meminda, menyemak atau menarik balik MS sebagai diluluskan oleh Menteri dan kemudian diisytiharkan di laman webnya," ujar beliau.